



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

MENINGKATKAN KECEKAPAN PENGAJIAN TEKNIKAL DI *MALAYSIA TECHNICAL UNIVERSITY NETWORK* (MTUN) BAGI GRADUAN POLITEKNIK

PUTRAJAYA, 29 JUN 2026 – Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) terus melakar kejayaan apabila menerima **Sijil Penghargaan Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB)** sempena Majlis Pengiktirafan Reformasi Kerenah Birokrasi yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Sijil penghargaan tersebut telah disampaikan oleh, YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan diterima oleh YBhg. Datuk Ts. Dr. Hj. Aminuddin bin Hassim, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi pihak JPPKK.

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yang menganjurkan Majlis Pengiktirafan Reformasi Kerenah Birokrasi sebagai platform untuk menghargai kejayaan pelaksanaan projek Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) ini bertujuan mengiktiraf inisiatif yang telah menyumbang kepada pengurangan beban peraturan serta meningkatkan kecekapan dan produktiviti dalam penyampaian perkhidmatan awam.

Sejajar dengan pengiktirafan tersebut, Projek RKB bertajuk **Meningkatkan Kecekapan Pengajian Teknikal di *Malaysia Technical University Network* (MTUN) bagi Graduan Politeknik** telah dilaksanakan sebagai satu inisiatif strategik oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dengan kerjasama MTUN. Projek ini bertujuan menambah baik

lalu pengajian pelajar Diploma Politeknik ke peringkat Sarjana Muda melalui pembentukan sistem artikulasi program pengajian yang lebih tersusun, formal dan efisien.

Sebelum pelaksanaan inisiatif ini, ketiadaan mekanisme pemindahan kredit yang standard menyebabkan graduan politeknik perlu mengikuti keseluruhan tempoh pengajian di peringkat sarjana muda yang menyebabkan pelajar mengambil tempoh yang panjang untuk bergraduat. Keadaan ini bukan sahaja meningkatkan kos pengajian, malah melambatkan kemasukan graduan ke pasaran pekerjaan.

Pelaksanaan projek ini melibatkan beberapa fasa utama termasuk pemetaan kurikulum, analisis isu dan cabaran, pembangunan mekanisme artikulasi, ujian padanan kursus serta penginstitusian dasar melalui kelulusan pihak berkaitan. Pendekatan ini memastikan proses pemindahan kredit dilaksanakan secara sistematik, telus dan seragam di semua institusi POLYCC dan MTUN yang terlibat.

Pelaksanaan artikulasi meliputi dua fasa iaitu Fasa A pada tahun 2024 melibatkan 68 program Sarjana Muda MTUN dalam 7 bidang pengajian. Manakala, Artikulasi Fasa B dilaksanakan pada tahun 2025 melibatkan 51 program Sarjana Muda MTUN dalam 10 bidang pengajian. Keseluruhannya, sehingga Disember 2025 sebanyak 119 program sarjana muda MTUN telah diartikulasi yang melibatkan program dalam bidang kejuruteraan dan teknologi dengan diploma Politeknik.

Kemudahan ini dijangka dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelajar yang layak mulai tahun 2026. Pelaksanaan artikulasi ini memberi kemudahan kepada lepasan diploma politeknik bagi melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah di MTUN dalam tempoh yang lebih singkat. Pelajar berpeluang mendapat pemindahan minimum 40 kredit, bersamaan pengecualian satu

(1) tahun pengajian apabila melanjutkan pengajian ke program Teknologi Kejuruteraan dan program lain yang berkaitan di MTUN.

Pemindahan kredit secara formal di antara politeknik dan MTUN seperti di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) yang dilaksanakan memberi impak kepada pelajar iaitu; tempoh pengajian dapat dipendekkan melalui pengiktirafan kredit yang setara, mengurangkan kos pengajian serta beban pinjaman pendidikan pelajar, meningkatkan kebolehpasaran graduan serta mempercepatkan kemasukan tenaga kerja teknikal ke dalam industri. Selain itu, ia turut menyokong agenda nasional seperti Dasar TVET Negara 2030 dan Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026-2035 (RPTM 2026-2035) dalam memperkukuh laluan pendidikan TVET negara.

Secara keseluruhannya, projek RKB ini berperanan sebagai pemangkin transformasi sistem pendidikan tinggi TVET yang lebih inklusif, efisien dan berimpak tinggi, serta menyediakan laluan akademik yang lebih jelas dan mampan kepada generasi masa hadapan

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
29 JUN 2026**

